

Ketabahan hati pendorong pelajar OKU terus lakar kejayaan

NST 2.9.2016 5

KOTA KINABALU: Hati yang kuat, tabah dan cekal merupakan pendorong utama bagi pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk terus melakar kejayaan.


Zakwanulhakim Abdul Nasir, 22, dari Perak mengalami kecacatan di bahagian kaki akibat penyakit Arteriovenous Malformations (AVM) iaitu kerosakan kepada pembuluh darah.

Beliau menghidap penyakit itu sejak kecil, bagaimanapun hanya disahkan ketika menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Ketika saya percubaan SPM saya masuk wad dan selepas SPM baru kaki saya dipotong, jadi sekarang ini sudah empat tahun,” katanya ketika ditemubual media selepas Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah.

Anak bongsu daripada enam beradik ditawarkan belajar dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Rangkaian Kejuruteraan ternyata gembira dengan pemilihan bidang ini kerana beliau turut belajar dalam bidang yang sama ketika melanjutkan pelajaran peringkat Diploma di Politeknik Ungku Omar Ipoh.

“Bidang ini menarik kerana banyak benda baru yang nak saya belajar. Saya memang minat bahagian gaming dan apabila melihat



AINUR...ibu bapa dan guru pendorong utama.

video mengenai haking membuat saya rasa ingin mencuba,” jelasnya.

Zakwanulhakim turut menjadikan Steve Jobs sebagai idolanya dan merupakan peminat Apple.

Menurutnya lagi, ini merupakan kali pertama dia datang ke Sabah, dan UMS merupakan antara pilihan terakhirnya namun tidak disangka ditawarkan belajar di universiti itu.

Sementara itu seorang lagi pelajar OKU dari Keluang Johor,

Ainur Athirs Zulkeflee, 20, ditawarkan mengikuti pengajian Komunikasi di universiti itu.


Pelajar itu mengalami kecacatan penglihatan sejak lahir disebabkan jangkitan kuman semasa dalam kandungan menyebabkan mata kanannya tidak dapat melihat.

Walaupun mendapat tawaran yang kurang diminati namun Ainur tetap mengambil peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

“Sebenarnya saya lebih minat Pendidikan khas untuk membantu OKU khususnya yang menghadapi masalah penglihatan untuk berjaya sekurang-kurangnya dapat mencapai hasrat Malaysia melahirkan individu yang berpendidikan, sekurang-kurangnya memperoleh ijazah,” katanya.

Menurutnya, pada awalnya beliau tidak yakin untuk meneruskan pengajian dalam bidang komunikasi namun, sokongan yang diberi oleh ibu bapa dan guru menguatkan semangatnya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut.

“Guru saya cakap bidang komunikasi pun boleh jadi guru dan tidak tertumpu kepada kerjaya sebagai wartawan sahaja,” katanya. -
OLEH PAUZIA PANGUOT & NURUL HANA PANG-GAYANG



ZAKWANULHAKIM....ditawarkan bidang Ijazah Sarjana Muda Rangkaian Kejuruteraan.